

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN
[BATU SAPI]**

TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta PERDANA MENTERI menyatakan bila kenaikan tambang teksi di Sabah boleh dilaksanakan dan bagaimana penggunaan 'kereta sapu' dan kereta sewa tanpa lesen boleh dikawal.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah sedang dalam proses kajian semula tambang teksi di Sabah bagi melihat kadar tambang yang relevan dengan keadaan semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tambang teksi di Sabah tidak pernah dinaikkan sejak tahun 2009.
2. Sebarang cadangan kenaikan kadar tambang akan diteliti agar tidak membebankan mana-mana pihak dan pada masa yang sama menaikkan imej dan mutu perkhidmatan teksi di negeri Sabah.
3. Sementara itu, LPKP Sabah sentiasa melaksanakan operasi secara berterusan dan bersepadu dengan pelbagai agensi penguatkuasaan lain seperti pihak Polis diRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi membanteras penggunaan kereta sapu dan kereta sewa tanpa lesen.

Sekian, terima kasih.